

# FENOMENA ANAK TAK SAH TARAF DALAM KALANGAN ORANG ISLAM DI MALAYSIA

NOR IZZATI BINTI MAHD NOR

[izzati@psp.edu.my](mailto:izzati@psp.edu.my)

Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.

## ABSTRAK

Anak tak sah taraf atau anak luar nikah merupakan satu fenomena yang mengancam struktur sosial khususnya masyarakat Islam di Malaysia. Peningkatan kes anak tak sah taraf dilihat semakin membimbangkan dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Tujuan penulisan ini adalah untuk mengetahui sejauhmanakah fenomena anak tak sah taraf yang berlaku dalam kalangan orang Islam di Malaysia. Seterusnya penulis menjelaskan perspektif Islam serta perundangan Malaysia mengenai anak tak sah taraf. Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu dengan merujuk kepada bahan-bahan penulisan seperti buku-buku ilmiah, bab dalam buku, dan artikel jurnal yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dapatan kajian mendapati anak tak sah taraf tidak boleh dinafikan hak untuk bermasyarakat, bekerjaya, berkahwin dan mempunyai hak yang sama rata sebagai manusia di sisi Islam dan perundangan Malaysia. Perbezaan anak tidak sah taraf ini dengan anak-anak lain yang sah taraf ialah dari sudut hak untuk dinasabkan, diberi nafkah, dan hak hadanah daripada bapa biologinya semata-mata. Kesimpulannya, anak tak sah taraf tetap mulia dan sewajarnya disanjung dalam masyarakat jika berilmu, beriman dan bertaqwa. Fenomena anak tidak sah taraf dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia ini perlu dipandang serius oleh semua pihak khususnya institusi keluarga melalui pengukuhan keimanan dan penerapan nilai murni dalam pendidikan anak-anak bagi memastikan tiada lagi anak luar nikah dalam kalangan orang Islam pada masa hadapan.

**Kata kunci:** fenomena; anak tak sah taraf; orang Islam; hukum Islam; perundangan Malaysia.

## 1. Pengenalan

Istilah “anak zina”, “anak luar nikah” dan “anak tak sah taraf” adalah merujuk kepada golongan yang sama. Walaupun istilah ini sentiasa berubah-ubah namun kewujudan istilah-istilah ini dalam masyarakat menunjukkan betapa serius dan berlarutan permasalahan keruntuhan moral ini berlaku di sekeliling kita. Menurut Khairunnisa (2020), perangkaan daripada Jabatan Pendaftaran Negara dari tahun 2010 hingga 2019 seramai 362 246 bayi direkodkan bagi pendaftaran kelahiran di bawah Seksyen 13/10/11 dan tanpa catatan maklumat bapa. Nor Fazlina (2020) pula melaporkan terdapat seramai 25 567 anak tak sah taraf didaftarkan dengan JPN sepanjang tahun 2019 sehingga Januari 2020.

Anak tak sah taraf merupakan anak yang dilahirkan di luar nikah (Fatwa Isu-Isu Munakahat, 2013; Azizah & Nor ‘Adha, 2014; Irwan, Zulkifli & Lukman, 2015) atau bukan daripada perkahwinan yang sah. Menurut Paizah (2013), dalam masyarakat beragama sesuatu hubungan antara lelaki dan perempuan perlulah dimeterai dengan ikatan perkahwinan sebagaimana yang ditentukan oleh agama serta diiktiraf menurut undang-undang. Anak yang dilahirkan tanpa ikatan perkahwinan dianggap anak tak sah taraf di mana anak tersebut tiada ikatan dan kaitan yang boleh dihormati dengan bapa biologinya. Undang-undang juga tidak mengiktiraf

anak yang dilahirkan itu sebagai anak yang sah kepada perhubungan lelaki dan perempuan tanpa ikatan perkahwinan yang didaftarkan di bawah undang-undang sesebuah negara.

Tujuan penulisan ini adalah untuk mengetahui sejauhmanakah fenomena anak tak sah taraf yang berlaku dalam kalangan orang Islam di Malaysia. Seterusnya penulis menjelaskan perspektif Islam serta perundangan Malaysia mengenai anak tak sah taraf. Kajian ini merupakan kajian kualitatif di mana metod kajian perpustakaan diaplikasikan dalam pengumpulan data iaitu dengan merujuk kepada bahan-bahan penulisan seperti buku-buku ilmiah, bab dalam buku, artikel jurnal dan dokumen perundangan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Perbincangan bukanlah bertujuan menghukum anak tersebut namun sebagai pendidikan dan pengajaran kepada semua umat Islam supaya sentiasa taat kepada hukum Islam dan tidak melakukan maksiat dan perbuatan zina. Ini kerana perbuatan dosa tersebut akan melahirkan anak tak sah taraf yang berkemungkinan dinafikan hak serta terpaksa menanggung bebanan dosa yang telah dilakukan oleh orang lain sepanjang hayatnya.

## **2. Senario Anak Tak Sah Taraf di Malaysia**

Fenomena anak luar nikah atau anak tak sah taraf telah mengancam struktur sosial khususnya bagi masyarakat Islam di Malaysia. Peningkatan kes anak tak sah taraf di Malaysia dilihat semakin membimbangkan. Ini membuktikan Malaysia sedang mengalami krisis akhlak yang sangat serius yang memerlukan langkah penyelesaian segera (Azizah & Nor 'Adha, 2014). Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) terdapat seramai 543,363 anak tak sah taraf telah didaftarkan di seluruh negara bagi tempoh 12 tahun bermula 2006 hingga 2017 (Malaysiakini, 2017). Walau bagaimanapun, bukan semua kes kelahiran anak tak sah taraf disebabkan ibu bapa tidak berkahwin, malah kes ini turut melibatkan perkahwinan yang tidak didaftarkan mengikut peraturan, kelahiran tidak cukup enam bulan (bagi pasangan Islam), kegagalan mendaftar semula perkahwinan di luar negara dan anak yang dijumpai tanpa identiti ibu bapa.

Berdasarkan statistik Jabatan Kesihatan Negeri pula, lima buah negeri tertinggi dicatatkan dengan negeri Sabah dan Sarawak merupakan negeri tertinggi dengan masing-masing mencecah 4,795 dan 3,396 kes. Negeri lain yang tertinggi pula ialah Selangor (1,486 kes), Johor (1,408 kes) dan Pahang (1,032 kes) (Fauwaz, 2016). Masalah remaja hamil luar nikah yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia bukan sahaja disebabkan oleh seks terlarang tetapi juga disebabkan oleh kes rogol (Kamarul Azmi, 2017). Implikasi daripada masalah seks di luar pernikahan dan kes rogol ini turut memberi kesan kepada masalah kes pembuangan bayi sehingga ada yang menyebabkan kematian. Kes-kes pembuangan bayi itu mungkin boleh dijadikan petunjuk kepada kes kehamilan luar nikah (Norul et al., 2012). Ini kerana, secara logiknya pasangan yang berkahwin secara sah tidak mungkin tergamak membuang bayi yang dilahirkan kerana ia merupakan impian hampir setiap pasangan. Sebaliknya wanita yang mengandung anak luar nikah berkemungkinan besar akan menggugurkan kandungannya disebabkan perubahan fizikal yang berlaku, tidak mahu menanggung malu, enggan menjaga anak tersebut atau dipaksa teman lelaki untuk membuang bayi berkenaan.

Takrif hamil luar nikah adalah mengandung sebelum berkahwin dan hubungan seks telah berlaku di antara dua pasangan yang tidak mempunyai pertalian nikah yang sah (Tengku Elmi Azlina et al., 2015). Hamil tanpa nikah merupakan hasil daripada hubungan kelamin yang tidak halal iaitu zina. Perbuatan zina adalah perbuatan keji yang dilarang oleh Islam lantaran terdapat hukum berkaitannya di dalam al-Quran. Bagi memenuhi keperluan fitrah yang saling memerlukan antara lelaki dan wanita, Islam memberikan solusi dengan mensyariatkan perkahwinan yang sah antara lelaki dan perempuan serta meletakkan peraturan yang jelas bagi menjamin kesejahteraan masyarakat, menyebarkan kebaikan serta mengekalkan keturunan (Aishah & Sidar, 2016).

Khadijah et al. (2012) dalam kajiannya berkaitan remaja hamil luar nikah mendapati keluarga merupakan faktor utama pembentukan sahsiah dan kesejahteraan psikologi remaja. Kajiannya memberi fokus kepada aspek tingkah laku ibu bapa dan pengalaman enam orang remaja yang hamil luar nikah. Hasil kajian mendapati remaja yang hamil luar nikah adalah disebabkan tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan ahli keluarga, persekitaran tempat tinggal, pengaruh rakan sebaya dan pendedahan kepada aktiviti seksual di dalam internet yang mendedahkan mereka kepada aktiviti seks yang tidak sihat sehingga menyebabkan hamil luar nikah. Menurut Tengku Elmi Azlina et al. (2014) pula, gejala keruntuhan akhlak seperti hamil luar nikah dapat ditangani menerusi kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi merupakan kemahiran yang membolehkan seseorang menguruskan kehidupan dengan lebih baik.

Terdapat pelbagai faktor yang membawa kepada peningkatan gejala hamil luar nikah. Menurut Reffina dan Tharshini (2020), antara faktor penyumbang yang dikenalpasti adalah disebabkan hubungan kekeluargaan yang lemah, perkembangan teknologi maklumat yang memudahkan akses kepada unsur-unsur negatif, pengaruh rakan sebaya serta status sosioekonomi dan tahap pendidikan yang rendah. Faktor utama adalah berpunca daripada keadaan keluarga. Selain tanggungjawab memberi nafkah kepada keluarga dan menjaga rumah tangga, ibu bapa juga bertanggungjawab dalam memberi didikan agama yang sempurna kepada anak-anak (Azizah & Nor 'Adha, 2014). Menurut kajian yang dilakukan oleh Khairani et al. (2010) terhadap 102 orang remaja hamil mendapati bahawa terdapat hubungan antara kehamilan remaja dengan aktiviti selepas waktu sekolah yang tidak diawasi oleh ibu bapa. Remaja dilihat kurang berkongsi suka duka dan perasaan mereka kepada keluarga disebabkan keluarga yang berpecah, kurang komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak serta kurang pemantauan terhadap media sosial ahli keluarga (Fauwaz, 2016).

Keluarga seharusnya menjadi tempat meluahkan perasaan terhadap permasalahan yang membelenggu diri seawal usia remaja. Ini berikutan ahli keluarga sepatutnya merupakan orang yang paling dipercayai berbanding rakan sebaya. Walau bagaimanapun, menurut kajian yang dilakukan oleh Nasrudin et al. (2012), kesemua responden yang terdiri daripada pelatih berumur 14 hingga 18 tahun menyatakan bahawa mereka tidak mendapat kasih sayang yang secukupnya daripada ibu bapa serta tidak mempunyai hubungan yang mesra dengan adik-beradik yang lain. Kekurangan kasih sayang dan sokongan daripada keluarga khususnya ibu bapa menyebabkan ramai remaja lebih memilih untuk mempercayai rakan sebaya dan akhirnya terjerumus dalam kancah permasalahan sosial.

Selain keluarga, rakan sebaya memberi pengaruh yang besar. Pergaulan rakan sebaya menjadi faktor utama yang mempengaruhi remaja terlibat dengan hubungan seks (Mohamad Faizal

& Mohd Zaki, 2014). Umum mengetahui, zaman remaja adalah jangka masa yang penuh dengan kekeliruan, kesedihan dan konflik. Oleh hal yang demikian, adalah penting bagi orang dewasa seperti ibu bapa, guru dan ahli masyarakat mengikuti perkembangan mereka agar tidak terjebak dengan kegiatan yang negatif. Remaja akan mudah terpengaruh dan mengabaikan pelajaran jika tidak dikawal dan kurang diberi perhatian. Kajian yang dilakukan oleh Salamatussadah (2010) terhadap remaja hamil di Taman Sri Puteri Kuala Lumpur mendapati motif utama mereka melakukan hubungan intim adalah untuk mendapatkan kasih sayang, perhatian, kebahagiaan dan keselamatan daripada pasangan. Oleh itu, terdapat remaja yang meniru perbuatan temannya walaupun salah agar diterima oleh kelompok tersebut (Mohamad Shatar, 2003).

Media turut menyumbang kepada permasalahan ini. Umumnya, pengaruh media massa amat besar ke atas generasi muda, khususnya golongan pelajar dan remaja. Televisyen merupakan alat siaran yang popular dan penting di mana hampir kesemua rumah di Malaysia mempunyai media elektronik ini (Ab. Halim & Zarin, 2009). Di Malaysia terdapat tujuh saluran televisyen percuma yang boleh ditonton oleh segenap lapisan masyarakat iaitu TV1, TV2, TV3, NTV7, TV8, TV9 dan TV6 termasuk saluran televisyen berbayar seperti ASTRO dan langganan video streaming di internet seperti Netflix, Iflix, Viu, Youtube Premium, iQIYI Video, Apple Tv+ dan sebagainya. Selain rancangan ilmiah yang membentuk minda masyarakat, terdapat terlalu banyak rancangan hiburan yang dipaparkan melalui saluran-saluran tersebut. Secara tidak langsung, ia telah memberi pengaruh nilai moral yang negatif dan mengakibatkan ketidakstabilan emosi dan psikososial remaja melalui rancangan hiburan yang ditonton.

Keadaan dunia tanpa sempadan kini membuatkan para remaja banyak meluangkan masa dengan teknologi. Kecanggihan teknologi yang membolehkan remaja mengakses bahan lucah dan pornografi dengan mudah menjadi salah satu punca kepada peningkatan jumlah remaja yang hamil luar nikah dan pembuangan bayi. Hasil kajian yang dilakukan oleh Khadijah et al. (2012) menunjukkan bahawa responden kajian beliau dan kenalan yang mempunyai minat yang sama mendapatkan bahan lucah dan pornografi melalui sumber daripada laman sesawang. Dengan hanya menggunakan telefon pintar yang dilengkapi dengan kemudahan akses internet membolehkan para remaja mengakses apa jua maklumat termasuklah bahan lucah yang akhirnya mendorong kepada gejala seks bebas.

Gejala seks bebas telah menyumbang kepada fenomena hamil luar nikah yang menatijahkan kelahiran anak tak sah taraf. Perkara ini menyumbang kepada peningkatan kes buang bayi, masalah kesihatan remaja dan bayi, masalah kewangan serta konflik dalam institusi kekeluargaan (Reffina & Tharshini, 2020). Fenomena ini yang amat membimbangkan individu, keluarga, masyarakat dan negara kerana telah menghancurkan usaha membina negara bangsa yang beretika dan rakyat yang mempunyai jati diri. Penyelesaian sementara telah dilakukan dengan mewujudkan rumah perlindungan seperti Pertubuhan Kebajikan Nur Hati di Ampang, Selangor (Khairunnisa, 2020) dan *baby hatch* oleh Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak Yatim (OrphanCare) (Mohd Mahyeddin, 2018; OrphanCare, 2021). Penubuhan pusat-pusat perlindungan ini semata-mata untuk mengelakkan perbuatan pembuangan bayi dan membela nasib anak tak sah taraf supaya mereka juga berpeluang untuk mendapatkan kasih sayang dan hak meneruskan kehidupan seperti anak-anak yang lain.

### 3. Anak Tak Sah Taraf Dalam Perspektif Islam

Perkara yang akan dibincangkan dalam bahagian ini adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai asas rujukan dalam menentukan kedudukan dan hak anak tak sah taraf menurut syariat Islam iaitu daripada aspek nasab atau penamaan, nafkah, hadanah, serta implikasi sosial anak tak sah taraf dalam keluarga dan masyarakat.

#### 3.1 Nasab atau Penamaan

Anak tak sah taraf disebut sebagai *walad al-zina* yang bermaksud anak zina atau anak luar nikah. Perkara ini telah disepakati oleh para fuqaha bahawa hanya perkahwinan yang sah di sisi hukum syarak, pemilikan atau syubhah sahaja yang boleh menasabkan anak kepada lelaki dan perempuan yang melakukan persetubuhan. Oleh itu, seseorang anak yang lahir melalui persetubuhan tanpa pernikahan yang sah akan dinasabkan kepada ibunya bukan kepada lelaki (bapa biologi) yang menyebabkan kelahirannya. Hukum ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“ Anak ialah hak pemilik hamparan (al-firash) sedangkan orang yang berzina (al-ahir) haknya ialah batu ”*

(Sahih Muslim, 2006: 3598)

Hadis ini menerangkan bahawa anak tidak sah taraf hanya layak dinasabkan kepada ibunya, dan bapa biologi anak tersebut tiada pertalian nasab dengan si anak kerana hubungan mereka tidak melalui akad yang sah. Hukum nasab anak tak sah taraf ini juga turut memberi kesan kepada perwarisan harta pusaka di mana anak tak sah taraf hanya berhak mewarisi harta ibu dan keluarga ibunya sahaja. Hal ini demikian kerana bapa biologi tidak diiktiraf sebagai bapa yang sah kepada anak tersebut mengikut hukum syarak (Abd. Ghani & Nuarrual Hilal, 2016; Zakiul Fuady & Raihanah, 2020). Walau bagaimanapun, Zakiul Fuady dan Raihanah (2020) memaklumkan terdapat fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) No. 11 tahun 2012 yang mewajibkan bapa zina memberikan harta melalui wasiat wajibah kepada anak luar nikahnya sebagai hukuman takzir kerana menyebabkan kelahiran serta bertujuan melindungi anak tersebut.

#### 3.2 Nafkah

Nafkah ialah kalimah Bahasa Arab, berasal daripada perkataan infaq yang bermaksud mengeluarkan. Dari sudut bahasa nafkah bermaksud apa-apa yang dikeluarkan oleh manusia terhadap anak-anaknya. Dari sudut istilah syarak pula bermaksud memberi perbelanjaan yang secukupnya dari segi makanan, pakaian dan tempat tinggal. Hukum syarak mewajibkan ibu memberi nafkah dan keperluan hidup yang lain kepada anak tak sah taraf atas dua sebab iaitu; i) anak tak sah taraf hanya dinasabkan kepada ibunya sahaja dan tidak dinasabkan kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya, ii) ibu merupakan pihak yang paling rapat dengan anak tak sah taraf yang dinasabkan kepadanya. Oleh hal demikian, sekiranya ibu berkemampuan, maka dia berkewajipan memberi nafkah kepada anak tersebut. Namun, sekiranya ibu tidak mampu maka tanggungjawab tersebut berpindah kepada ahli waris (Abd. Ghani & Nuarrual Hilal, 2016). Pandangan ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 223, yang bermaksud:

*“...tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya, janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga*

*menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan Yang tersebut (jika si bapa tiada)”.*

(Abdullah Basmeih, 2011)

Wahbah al-Zuhaili (1989) menjelaskan tanggungjawab waris ibu memberi nafkah anak tak sah taraf adalah seperti berikut:

*“Ibu ialah waris, jadi wajib ke atasnya membiayai nafkah dengan jelas daripada nas al-Quran. Jika anak kecil itu ada nenek dan saudara lelaki maka ke atas nenek satu per enam dan yang selebihnya ditanggung oleh saudara lelaki. Dengan ini jadilah susunan pembiayaan nafkah mengikut susunan pewarisan. Maka sebagaimana nenek di sini mendapat habuan pusaka satu per enam, ia wajib membiayai nafkah juga satu per enam dan sebagaimana habuan pusaka yang selebihnya bagi saudara lelaki maka begitu pula ia wajib membiayai nafkah yang selebihnya setelah nenek membiayai satu per enam. Jika berhimpun ibu bapa di sebelah ibu (nenek dan datuk di sebelah ibu) maka pembiayaan nafkah wajib ke atas emak ibu (nenek) kerana ia ialah ahli waris”*

Oleh itu, jelaslah bahawa keutamaan waris ibu yang dipertanggungjawabkan untuk memberikan nafkah ialah nenek (emak ibu) dan saudara lelaki seibu sama ada abang atau adik kepada anak tak sah taraf. Kadar saraan nafkah adalah mengikut bahagian yang diterima oleh waris tersebut dalam harta pusaka, iaitu nenek sebanyak satu perenam bahagian, manakala bakinya kepada saudara lelaki seibu. Perkara ini turut dijelaskan oleh Yusuf al-Qaradhawi (1995) bahawa Islam mengutamakan nafkah kepada keluarga terdekat dan orang yang berada dalam tanggungannya sebelum diberikan kepada orang fakir, miskin, orang yang berjuang di jalan Allah SWT dan orang yang dalam perjalanan. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Satu dinar kamu belanjakan di jalan Allah (berjihad), satu dinar kamu belanjakan bagi hamba (untuk memerdekakan hamba sahaya), satu dinar kamu belanjakan bagi orang miskin dan satu dinar kamu belanjakan bagi keluargamu, yang paling besar pahalanya ialah yang kamu belanjakan untuk keluargamu”.*

(Sahih Muslim, 2006: 2308)

Berdasarkan kepada pemahaman hadis ini, pemberian nafkah yang wajib adalah lebih besar pahala di sisi Allah SWT berbanding dengan sedekah yang sunat. Ini kerana nafkah merupakan hak seorang anak kecil yang lemah yang tidak mampu mengurus diri. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa, hukum pemberian nafkah anak tak sah taraf adalah wajib ke atas ibu, namun jika ibu tidak berkemampuan maka tanggungjawab memberi nafkah kepada mereka adalah jatuh kepada waris terdekat sebelah ibu. Perkara ini membawa kepada ketidakadilan di mana bapa tidak dikenakan apa-apa tindakan dalam persoalan nafkah anak luar nikahnya. Justeru, penulis berpendapat fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) No. 11 tahun 2012 yang mewajibkan bapa zina memberikan harta melalui wasiat wajibah kepada anak luar nikahnya boleh dijadikan contoh ikutan bagi memberi pengajaran kepada bapa zina serta membela nasib anak tersebut.

### 3.3 *Hadanah*

Hadanaah ialah menjaga dan mendidik kanak-kanak yang masih kecil oleh seseorang yang dipertanggungjawab terhadapnya. Penjagaan tersebut termasuklah mendidik, memimpin, mengawasi dan mengatur segala hal ehwal kanak-kanak sehingga umur tertentu. Hukum syarak mewajibkan setiap wanita yang melahirkan anak tak sah taraf menjaga anak tersebut. Kewajipan tersebut adalah berdasarkan kepada pandangan fuqaha berkaitan hak hadanaah anak sah taraf dalam kalangan Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, Mazhab Syafie dan Mazhab Hanbali yang bersepakat mengiktiraf ibu dan nenek di sebelah ibu adalah paling berhak terhadap hadanaah berbanding bapa sekiranya berlaku tuntutan hak penjagaan anak sama ada masih bersuami isteri, bercerai atau berpisah akibat kematian suami (Huzaemah, 1996).

Manakala saudara-mara ibu merupakan pihak kedua yang berhak menjaga anak tak sah taraf menurut urutan waris-waris yang dibenarkan oleh hukum syarak. Antara sebab hak hadanaah berpindah kepada saudara-mara ibu adalah disebabkan ibu enggan atau hilang kelayakan menjaga anak tersebut. Hilang kelayakan bermaksud penjaga anak tak sah taraf tidak memenuhi syarat yang ditetapkan iaitu mestilah beragama Islam, sempurna akal, mampu memberi kasih sayang, berakhlak mulia dan menetap di tempat yang aman damai serta tidak mengundang bahaya daripada aspek rohani dan jasmani terhadap anak tersebut.

Jika seseorang ibu atau saudara-mara ibu yang enggan atau hilang kelayakan menjaga anak tak sah taraf, maka hadanaah anak tak sah taraf tersebut boleh diserahkan kepada keluarga angkat. Islam sangat menggalakkan pemeliharaan anak angkat terutamanya anak tak sah taraf demi menjamin akidah Islam anak tersebut dan mengeratkan silaturahim antara mereka. Namun begitu, Islam melarang nama anak tersebut di'bin' atau di'binti'kan dengan nama bapa angkat sebaliknya dikekalkan dengan nama asal bapa mereka. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Sa'ad ibn Abi Waqas menyatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Sesiapa yang mendakwa menjadi anak kepada seseorang selain daripada bapanya sendiri dan dia tahu bahawa orang itu bukanlah bapanya, maka syurga adalah haram untuknya”*

(Sahih al-Bukhari, 2009: 6385)

Antara sebab larangan mem'bin' atau di'binti'kan dengan nama bapa angkat adalah kerana ianya bertentangan dengan kebenaran dan Islam tidak akan berkompromi dengan apa jua unsur penipuan. Anak angkat tetap anak angkat. Apa jua yang dilakukan tidak akan merubah hakikat bahawa seseorang itu ialah anak kepada bapa dan ibu kandungnya, bukan bapa mahupun ibu angkatnya. Allah menjelaskan apa yang benar melalui firmanNya dalam surah al-Ahzab ayat 4:

*Itu hanyalah sekadar ucapan mulut kamu sedangkan Allah memberitahu kamu apa yang sebenarnya dan Allah jua yang menunjukkan jalan (yang benar).*

(Abdullah Basmeih, 2011)

Melalui pemahaman dalam ayat ini, kebajikan yang paling utama bagi keluarga angkat terhadap anak angkatnya adalah memberikan hak yang mutlak kepada anak tersebut untuk mengetahui kebenaran iaitu berkaitan dengan persoalan siapa yang melahirkannya. Selain itu, perbuatan mem'bin' atau mem'binti'kan anak angkat kepada keluarga angkat akan memusnahkan sistem kekeluargaan Islam (Fuad, 1985). Namun begitu, perlu diingatkan bahawa persoalan

mengembalikan nama bapa biologi kepada anak angkat adalah tidak terpakai bagi anak tak sah taraf kerana bapa biologinya tidak layak melatakkan nama ke atas anak tersebut sebagaimana tiada hak nasab dan nafkah (BH Online, 2020).

### 3.4 Implikasi Sosial

Setiap anak yang dilahirkan sama ada sah taraf atau tak sah taraf merupakan anugerah daripada Allah SWT yang tidak ternilai. Ini kerana, mereka telah dilahirkan dalam keadaan suci bersih (fitrah) dan tidak menanggung dosa yang dilakukan oleh kedua ibu-bapanya (Abd. Ghani & Nuarrual Hilal, 2016; Mohd Mahyeddin, 2018; Noraini Aqiilah & Ahmad Munawar, 2018). Perkara ini telah ditegaskan dalam sabda Nabi SAW:

*“Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi...”*

(Sahih Muslim, 2006: 2628)

Oleh yang demikian, anak yang dilahirkan tanpa pernikahan yang sah tidak dibebankan dengan dosa mereka yang menyebabkan kelahirannya kerana semasa perbuatan haram atau zina yang dilakukan oleh ibu dan bapa biologi tersebut, dia belum lagi dilahirkan ke dunia lagi. Hal ini turut ditegaskan melalui firman Allah dalam surah al-An’am, ayat 164:

*“...dan tiadalah (kejahatan) Yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja Yang menanggung dosanya; dan seseorang Yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja)...”*

(Abdullah Basmeih, 2011)

Berdasarkan kepada pemahaman kepada ayat ini, walaupun anak luar nikah tidak sah tarafnya, namun kedudukan dan hak untuk hidup mereka menurut perspektif Islam adalah sama seperti anak-anak lain yang sah tarafnya. Bahkan, Rasulullah SAW sendiri telah memberi pengiktirafan kepada anak tak sah taraf ini. Buktinya ialah ketika didatangi oleh seorang perempuan al-Ghamidiyyah yang sedang mengandung anak luar nikah untuk membuat pengakuan zina di hadapan Rasulullah SAW, baginda telah meminta agar wanita tersebut pulang ke rumahnya dan melahirkan anaknya terlebih dahulu sehinggalah anak tersebut berumur dua tahun. Seterusnya baginda meminta dia menyerahkan anaknya kepada salah seorang lelaki dalam kalangan keluarga tersebut untuk dipelihara. Selepas itu barulah baginda memerintahkan perlaksanaan hukum ke atas perempuan al-Ghamidiyyah tersebut (Zulkifli, 2017). Selain daripada itu, Saidina Umar al-Khattab yang terkenal dalam ketegasan menegakkan hukum Allah SWT turut pernah berwasiat agar anak tak sah taraf diperlakukan dengan sebaiknya.

Berdasarkan kepada dua kisah di atas, sewajarnya masyarakat Islam hari ini tidak memandang hina kepada anak luar nikah serta memberi peluang kepada mereka untuk mengembangkan segala potensi yang ada pada mereka. Hal ini kerana, kemuliaan seseorang itu terletak pada keimanan dan ketakwaan yang ada pada dirinya bukannya pada bangsa, nasab atau keturunannya. Asas ini telah dinyatakan oleh firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, ayat 13:



*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya)”*.

(Abdullah Basmeih, 2011)

Hasil daripada perbincangan dalam bahagian ini, dapat disimpulkan bahawa anak tak sah taraf tidak mempunyai sebarang kaitan dengan perbuatan silam yang dilakukan oleh ibu dan bapa biologi, sehingga layak untuk dicemuh dan dicaci daripada masyarakat. Perbezaan anak tak sah taraf ini dengan anak-anak lain yang sah taraf hanyalah dari sudut hak untuk dinasabkan, diberi nafkah, dan hak hadanah daripada bapa biologinya. Namun, perbezaan ini tidak sampai menafikan haknya untuk hidup sebagai seorang manusia biasa yang mesti dilayan dan dihormati sebagai salah seorang warga dalam masyarakat.

#### **4. Anak Tak Sah Taraf Dalam Undang-Undang Malaysia**

Undang-undang Malaysia meletakkan kedudukan Islam di bawah bidang kuasa negeri. Abdul Monir (2009) menyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan, peruntukan khusus terkandung dalam Jadual Kesembilan Senarai 2, Senarai Negeri, bidang kuasa pentadbiran agama Islam yang memperuntukkan perkara-perkara berhubung dengan hukum syarak yang terletak pada Badan Perundangan Negeri untuk menggubalnya termasuk kuasa menubuhkan Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang Islam. Maka terdapat pelbagai akta dan enakmen berkaitan anak tak sah taraf orang Islam serta terdapat juga fatwa daripada mufti sebagai panduan (Zaini, 2005).

Menurut Paizah (2013), undang-undang membuat ketentuan berdasarkan kehendak masyarakat umum. Masyarakat yang beragama menghendaki mana-mana kelahiran yang sah adalah berdasarkan ikatan perkahwinan yang sah menurut agama. Maka perkahwinan sindiket iaitu perkahwinan yang tidak memenuhi rukun dari segi syarak dan bukan persetubuhan syubhah mengakibatkan anak hasil perhubungan tersebut menjadi anak tak sah taraf (Nabilah et al., 2013). Selain daripada undang-undang membuat ketetapan dan peraturan berdasarkan agama dan budaya masyarakat, undang-undang juga menetapkan tambahan prosedur yang perlu diikuti supaya segala dokumen dan bukti direkodkan mengikut ketetapan undang-undang. Oleh itu, perkahwinan walaupun sah menurut agama dan budaya adalah tidak dianggap sah menurut undang-undang sekiranya tidak didaftarkan mengikut ketetapan undang-undang (Irwan et al., 2013).

Analisis ke atas peruntukan Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia bagi semua negeri mendapati peruntukan berkaitan anak tak sah taraf adalah hampir selaras antara satu sama lain serta selari dengan hukum syarak. Kandungan peruntukan undang-undang tersebut membincangkan tentang istilah anak tak sah taraf yang ditakrifkan sebagai anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah. Selain itu, persoalan penafian nasab oleh bapa melalui *li'an* ke atas mana-mana anak yang dilahirkan oleh isteri dan tempoh sah taraf bagi anak yang dilahirkan oleh seorang ibu yang telah tamat *'iddah* walaupun dilahirkan dalam masa

empat tahun perpisahan berlaku. Peruntukan undang-undang ini diperkemas dengan adanya peruntukan mewajibkan ujian DNA apabila terjadinya perselisihan penentuan nasab bagi mengelakkan segala keraguan (Tengku Fatimah Muliana et al., 2011).

Menurut Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-41 yang diadakan pada 25 Jun 1998, fatwa telah menyatakan implikasi yang berlaku ke atas anak tak sah taraf. Implikasi utama adalah penamaan dan perwarisan pusaka bagi anak tersebut (Paizah, 2013). Anak tak sah taraf tidak boleh di'bin' atau di'binti'kan dengan bapa biologinya sebaliknya perlu di'bin' atau di'binti'kan kepada Abdullah (Fatwa Isu-Isu Munakahat, 2013). Anak tak sah taraf juga tiada kaitan dengan bapa biologinya menurut undang-undang dan hukum syarak. Oleh itu, anak tak sah taraf hanya mewarisi harta pusaka ibu yang melahirkannya sahaja dan tidak berhak ke atas harta pusaka bapa biologinya. Hak perwarisan juga bermaksud kelayakan hadanah (hak penjagaan dan kewajipan nafkah) anak adalah ke atas ibu dan keluarga ibu sahaja tanpa ada sebarang kaitan dengan bapa biologi tersebut (Abd. Ghani & Nuarrual Hilal 2016). Fatwa Isu-Isu Munakahat (2013) menambah, bapa anak tak sah taraf juga tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali anak tersebut.

Walaupun hak nasab, nafkah dan hadanah anak tak sah taraf dinafikan dalam Islam dan sistem perundangan negara namun anak tak sah taraf juga manusia yang tidak boleh dinafikan hak dan diabaikan kewajipan nafkah dan kebajikannya. Kebajikan kanak-kanak menjadi keutamaan dalam segala permasalahan berkaitan hak nafkah dan hadanah (Zanariah, 2010; Mahyidin et al., 2016). Kedudukan anak tak sah taraf adalah sama seperti kanak-kanak lain yang sah taraf di mana mereka berhak memperoleh keistimewaan, manfaat, kebajikan, pendidikan, perlindungan dan kebebasan untuk melakukan aktiviti harian (Nuarrual Hilal & Abd Ghani, 2014). Nafkah anak tak sah taraf adalah dipertanggungjawabkan kepada ibu, keluarga atau waris ibu (Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam). Selain itu, Hafizah (2019) menyatakan tanggungjawab nafkah juga dipikul oleh pihak pemerintah yang berkaitan dengan kesejahteraan kanak-kanak seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan agensi di bawahnya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Hak penjagaan anak tak sah taraf adalah hak mutlak ibu. Maka dalam kes *Re J (A Minor) (Abduction: Custody Rights)* [1990] 2 AC 562 ibu berhak membawa keluar anak dari Australia ke England mengikut undang-undang berbanding bapa walaupun sebelumnya bapa berkongsi tugas dalam menjaga anak tersebut. Menurut Nora (2004) ibu wajib memenuhi keperluan nafkah anak tersebut selagi mana anak tersebut tidak mampu berdikari, tiada harta sendiri, cacat anggota, masih menuntut ilmu dan ibu mampu memberi nafkah. Sekiranya ibu tidak mampu untuk menyara nafkah anak tak sah taraf, waris ibu merupakan pihak kedua yang dipertanggungjawabkan oleh hukum syarak. Kefarduan waris ibu untuk menyara nafkah telah dibincangkan dari perspektif Islam. Wahbah al-Zuhaily (1989) menyatakan bahawa waris ibu yang bertanggungjawab memberi nafkah anak tersebut terdiri daripada nenek (emak ibu) dan saudara lelaki seibu sama ada abang atau adik kepada ibu dengan kadar saraan nafkah adalah mengikut bahagian yang diterima dalam pembahagian harta pusaka.

Pihak pemerintah merupakan pihak berkewajipan menjaga anak tak sah taraf sekiranya ibu dan waris ibu tidak berkemampuan. Yusuf al-Qardhawi (1995) menjelaskan dalam fatwanya bahawa pemerintah bertanggungjawab memastikan kebajikan anak tak sah taraf terutamanya dalam memelihara aqidah serta nafkah dan perlindungan dalam menguruskan kehidupan. Selari

dengan ketentuan hukum syarak dan fatwa tersebut, Malaysia menurut Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (2021) telah mewujudkan agensi-agensi tertentu yang berfungsi menjaga kebajikan wanita hamil luar nikah dan anak tak sah taraf ini. Tidak ketinggalan NGO yang menyediakan banyak pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan kerajaan contohnya *baby hatch* oleh OrphanCare di Petaling Jaya, Johor Bahru dan Sungai Petani (OrphanCare, 2021).

Kerajaan Malaysia merujuk kepada peruntukan perundangan yang menyeluruh di peringkat persekutuan dan negeri memainkan peranan yang penting dalam memastikan kebajikan anak tak sah taraf mendapat pembelaan. Nuarrual Hilal dan Abd Ghani (2014a) menjelaskan kerajaan Persekutuan dan Negeri bersama-sama menggalas tanggungjawab ini dalam menentukan kesaharapan anak dan hadanah, serta menguruskan kebajikan anak tak sah taraf seperti yang termaktub dalam Senarai 3 (Senarai Bersama), Perlembagaan Persekutuan. Ini membuktikan bahawa kebajikan anak tak sah taraf merupakan agenda penting yang turut diutamakan pihak kerajaan bagi memastikan mereka berpeluang memperoleh masa depan dan kehidupan yang baik.

Muhammad Adam et al. (2020) menyatakan terdapat perbezaan fatwa antara negeri-negeri di Malaysia berkaitan penasaban anak tak sah taraf di mana fatwa Negeri Perlis membenarkan tindakan menasabkan anak zina kepada bapa zina walaupun majoriti negeri melarang perbuatan tersebut. Menurut Nabilah et al. (2013) pula, Malaysia masih belum ada undang-undang sama ada Undang-Undang Keluarga Islam mahupun Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah yang seragam yang mewajibkan kepastian bapa kandung bagi anak tak sah taraf. Hukuman hanya dikenakan kepada wanita (ibu) sahaja kerana *qarinah* (tanda) lebih mudah diperolehi daripada wanita (Lukman & Wan Abdul Fattah, 2012). Hanya kes yang melibatkan persetubuhan haram sahaja dapat menghukum pasangan lelaki (bapa). Abd. Ghani dan Nuarrual Hilal (2016) menegaskan suatu mekanisme perlu diwujudkan bagi menangani isu nafkah anak tak sah taraf memandangkan pihak bapa tidak dikenakan tindakan dan tanggungjawab sehingga menyebabkan ketidakadilan kepada ibu dan anak tersebut.

## 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, fenomena anak tak sah taraf dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia berada pada pada tahap yang membimbangkan berikutan daripada peningkatan kes dari masa ke masa. Statistik yang tinggi mencerminkan kegagalan pelaksanaan hukuman undang-undang jenayah syariah (Azizah Mat Rashid et al., 2019). Ini kerana hukuman yang berkesan seharusnya mampu memberi pengajaran, dan mengekang pesalah daripada terus melakukan kesalahan. Selain itu, fenomena ini juga menjatuhkan maruah umat Islam serta mencalarkan kesucian agama Islam pada pandangan orang bukan Islam. Justeru, usaha mencegah kemungkaran daripada pihak berkuasa melalui penguatkuasaan undang-undang sangat diperlukan bagi menutup ruang-ruang yang membawa kepada perbuatan zina (Mohd Mahyeddin, 2018).

Selain itu, semua pihak hendaklah bekerjasama dan mengambil peranan terhadap isu ini (Wan Abdul Fattah, 2018; Azizah Mat Rashid et al., 2019). Penyelesaian kepada permasalahan adalah dengan kepatuhan umat Islam kepada larangan berzina dan menjauhi maksiat. Peranan institusi keluarga melalui pengukuhan keimanan dan kejiwaan serta penerapan nilai murni amat

penting dalam pendidikan anak-anak. Era multimedia dan teknologi maklumat bukan sahaja menguji asas agama dan keimanan remaja kita malahan mereka terdedah dengan pelbagai masalah sosial. Seharusnya ibu bapa sebagai pelindung keluarga hendaklah memperkukuhkan benteng kekeluargaan dengan ilmu agama serta pendidikan yang sempurna bagi memperkuat jati diri anak-anak. Pantauan dan pengawasan yang berbekalkan kasih sayang amat diperlukan agar anak-anak merasa dirinya diberi perhatian yang cukup. Pihak lain dalam segenap lapisan masyarakat juga perlu peka dengan perkembangan diri anak remaja dan tidak bersikap mementingkan diri walaupun mereka ini bukan daripada darah daging sendiri.

Akhirnya, perlu ditegaskan bahawa kedudukan anak tak sah taraf sama sekali tidak menjejaskan hak-hak kemanusiaan sama ada dalam politik, sosial, ekonomi, urusan keagamaan, kewarganegaraan, pendidikan, perjawatan awam kerajaan, biasiswa dan lain-lain. Anak tak sah taraf tetap mulia dan disanjung jika berilmu, profesional dan bertakwa. Peruntukan agama Islam dan undang-undang jelas mengiktiraf, memelihara dan melindungi hak anak tak sah taraf meskipun terdapat beberapa kelemahan dari aspek pelaksanaannya. Oleh itu, penulis mencadangkan agar kajian seterusnya memberi fokus kepada aspek kelemahan pelaksanaan undang-undang dalam mengekang perbuatan zina yang mengakibatkan berlakunya gejala hamil luar nikah dan aspek kesan psikologi yang dihadapi oleh anak tak sah taraf dalam menjalani kehidupan.

## 6. Rujukan

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2009). Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 27: 199-212.
- Abd. Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md. Dahlan. (2016). Kewajipan menanggung nafkah anak tak sah taraf: satu kajian kes di negeri Kedah. *28 KANUN* (2): 214-243.
- Abdul Monir Yaacob. (2009). Pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia: satu penilaian. *Journal of Fiqh* 6: 1-20.
- Abdullah Muhammad Basmeih. (2011). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Selangor: Darul Fikir.
- Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia.
- Al-Bukhari. (2009). *Sahih al-Bukhari*. al-Mansurah: Daar al-Yaqiin.
- Azizah Mat Rashid & Nor 'Adha Abd Hamid. (2014). Undang-undang jenayah syariah: suatu sorotan berhubung kesalahan akhlak. *International Conference on Postgraduate Research 2014 (ICPR 2014)*, hlm. 16-23.
- Azizah Mat Rashid et al. (2019). Menangani masalah kelahiran anak tak sah taraf di Malaysia: peranan perundangan jenayah syariah dalam masyarakat. *Akademika* 89 (Isu Khas 2): 5-16.

- BH Online. (2020). Mahkamah Persekutuan putus anak tak sah taraf tidak boleh dibinkan, binti nama bapa. [Online] <http://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/02/655225/mahkamah-persekutuan-putus-anak-tak-sah-taraf-tidak-boleh-dibinkan-binti%202020> (akses pada Mac 12, 2021).
- Fatwa Isu-Isu Munakahat: Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.* (2013). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Fauwaz Hasbullah. (2016). Seksualiti remaja: isu dan cabaran keluarga di Malaysia. *Kertas kerja Seminar Isu-Isu Seksualiti Peringkat Kebangsaan 2016*. Dewan Perdana UNIZA Kuala Terengganu. 20 Mac.
- Fuad Mohd Fachruddin. (1985). *Masalah Anak Angkat dalam Islam*. Jakarta: CV Pedoman Ilmu Jaya.
- Hafizah Iszahanid. (2019). Pelihara anak tidak sah taraf ikut syariat, kemanusiaan. [Online] <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/549142/pelihara-anak-tidak-sah-taraf-ikut-syariat-kemanusiaan> (akses pada Mac 13, 2021).
- Huzaemah Tahido. (1996). *Kedudukan Anak Luar Nikah Menurut Hukum Islam*. Jakarta: KOWANI.
- Irwan Mohd Subri et al. (2013). Mem"binti"kan anak tak sah taraf menurut perspektif syarak, undang-undang dan sosial. Laporan Eksekutif Perundingan Penyelidikan, USIM dengan kerjasama JAKIM. Ipoh: Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.
- Irwan Mohd Subri, Zulkifli Hassan & Lukman Abdul Mutalib. (2015). Keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu tentang nasab anak tak sah taraf: krisis perundangan?. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies* 1(1): 1-8.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2017). Masalah seksual dalam kalangan remaja dan penyelesaiannya. Dlm. *Remaja Hebat: Batasan dan Halangan Kecemerlangan Remaja Muslim* 1(4), hlm. 35-59. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2021). [Online] <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal/index&id=UEVHOGpiNHpvM2o0OVFvOXpRQ24vQT09> (akses pada Mac 18, 2021).
- Khadijah Alavi et al. (2012). Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 131-140.
- Khairani Omar et al. (2010). Adolescent pregnancy outcomes and risk factors in Malaysia. *International Journal of Gynecology and Obstetrics* 111(3): 220-223.

- Khairunnisa Kasnoon. (2020). Tidak sah taraf, masa depan anak diragut. [Online] <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-sah-taraf-masa-depan-anak-diragut-266368> (akses pada Mac 2, 2021).
- Lukman Abdul Mutalib & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2012). Al-qarinah: antara kekuatan dan keperluan dalam mensabitkan kesalahan jenayah (zina). *International Journal of Islamic Thought* 2 (Dec.): 38-54.
- Mahyidin Hamat, Zuliza & Mohamad Nasran Mohamad. (2016). Pelaksanaan penjagaan anak (hadhanah) di Malaysia. *al-Hikmah Journal of Fatoni University* 6 (12): 169-184.
- Malaysiakini. (2017). Ada lebih 500,000 anak tak sah taraf. [Online] <https://www.malaysiakini.com/news/394299> (akses pada Mac 11, 2021).
- Mohamad Faizal Mohammad & Mohd Zaki Ishak. (2014). Gejala hubungan seks dalam kalangan pelajar: satu kajian kes. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*, hlm. 1-10.
- Mohamad Shatar Sabran. (2003). *Pengenalan Kepada Masalah Sosial*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad & Nur Mohammad Hadi Zahalan. (2018). Pengurusan dan perlindungan anak tak sah taraf melalui 'baby hatch': satu penilaian daripada perspektif maqasid syariah dan undang-undang Malaysia. *Al-'Abqari* 13: 87-102.
- Muhammad Adam Abd. Azid et al. (2020). Hadis al-walad li al-firāsh wa li al-‘āhir al-ḥajar dan pengaruhnya terhadap fatwa penasaban anak tak sah taraf di Malaysia. *HADIS* 10(19): 478-486.
- Muslim bin al-Hajjaj. (2006). *Sahih Muslim*. Al Riyad: Dar Tayyibah.
- Nabilah Yusof et al. (2013). Status anak dalam perkahwinan sindiket menurut perspektif syarak dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah) Persekutuan 1984. *Proceeding of International Conference on Social Science Research. ICSSR 2013*, hlm. 1431-1441.
- Nasrudin Subhi et al. (2012). Hubungan seksual remaja: antara cinta dan nafsu. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 15-25.
- Nor Fazlina Abdul Rahim. (2020). JPN kaji dasar pendaftaran anak tak sah taraf. [Online] <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/657401/jpn-kaji-dasar-pendaftaran-anak-tak-sah-taraf> (akses pada Mac 2, 2021).
- Nora Abdul Hak. (2004). Hak kanak-kanak dari aspek hadhanah dan nafkah: di bawah Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. *Kertas Kerja Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-Kanak*. Gurney Resort Hotel and Residences, Pulau Pinang. 21-22 Julai.

- Noraini Aqilah Ismail & Ahmad Munawar Ismail. (2018). Persepsi masyarakat muslim di Hulu Langat terhadap anak tak sah taraf. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 2(2): 1-13.
- Norul Sarnon et al. (2012). Hamil luar nikah: memahami remaja sebagai asas intervensi keluarga. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 121-130.
- Nuarrual Hilal Md Dahlan & Abd Ghani Ahmad. (2014). Anak tak sah taraf: siapa yang sepatutnya memberi nafkah? *Proceedings The UUM International Conference On Governance 2014*, hlm. 18-26.
- Nuarrual Hilal Md Dahlan & Abd Ghani Ahmad. (2014a). Kebajikan anak tak sah taraf orang Islam menurut perspektif hukum syarak dan undang-undang di Malaysia: suatu analisa. *Proceedings The UUM International Conference On Governance 2014*, hlm. 27-36.
- OrphanCare. (2021). [Online] <https://orphancare.org.my/baby-hatch-centres/> (akses pada Mac 18, 2021).
- Paizah Ismail. (2013). Anak tak sah taraf dari perspektif syariah dan perundangan Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh* 10: 77-90.
- Re J (A Minor) (Abduction: Custody Rights)* [1990] 2 AC 562.
- Reffina Siong & Tharshini, N.K. (2020). Isu kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja Malaysia: satu tinjauan sorotan literatur. *Jurnal Psikologi Malaysia* 34(4): 91-96.
- Salamatussadah Abg. Ghafar. (2010). Keinginan melakukan hubungan intim dan kesannya kepada remaja: kajian kes di Taman Sri Puteri. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- Siti Aishah Yahya & Sidar Nasrun. (2016). Tahap penghayatan agama dalam kalangan remaja hamil tanpa nikah. *Jurnal Sains Sosial* 1: 17-35.
- Tengku Elmi Azlina Tengku Muda et al. (2015). WAR 08 kesalahan akhlak dan perkaitannya dengan faktor kematangan, kerohanian dan kesedaran sendiri individu. *World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015)*, hlm. 69-80.
- Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Noriah Mohd Ishak & Rorlinda Yusof. (2014). Profil Kecerdasan Emosi Ketua Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014*, hlm. 674-684.
- Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Siti Khatijah Ismail & Najmiah Omar. (2011). Penggunaan DNA bagi penentuan nasab al-walad li al-firasy dalam peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* (Keluaran Khas): 17-25.
- Wahbah al-Zuhaily. (1989). *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Juz. 7. Cet. 3. Damsyik: Dar al-Fikr.

- Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al. (2018). Faraq perkahwinan bagi pasangan tak sah taraf di Negeri Sembilan. *International Journal of Islamic Thought* 13: 124-134.
- Yusuf al-Qardhawi. (1995). *Fatwa Masa Kini*. Jil. 7 & 8. Cet. 1. Terj. Zaidi Jalil, Munawwar Muhammad & Norman Mohd Nor. Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Zaini Nasohah. (2005). Undang-undang penguatkuasaan fatwa di Malaysia. *Islamiyyat* 27(1): 25-44.
- Zakiul Fuady Muhammad Daud & Raihanah Azahari. (2020). Analisis keputusan dan metode penghakiman terhadap pemberian wasiat wajibah kepada anak tidak sah taraf dalam kes No. 0257/PDT.G/2012/PA.JBG. *Jurnal Fiqh* 17(1): 1-32.
- Zanariah Noor. (2010). Melarikan anak ke luar negara: kawalan undang-undang di Malaysia dan di bawah The Hague Convention on The Civil Aspects of International Child Abduction 1980. *Jurnal Syariah* 18(1): 137-162.
- Zulkifli Mohd. (2017). Hukum anak tak sah taraf menjadi imam. *The International Seminar on Islamci Jurispudence in Contemporary Society*. Anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin. 4-5 Mac.